

Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran

HABIBAH ELIAS, ZAIDATOL AKMALIAH LOPE PIHIE, RAHIL HJ. MAHYUDDIN,
Universiti Pertanian Malaysia

ABSTRACT This paper discusses the findings of a study which examined trainee teachers' perceptions of teaching and learning. The sample comprised 162 student-teachers undergoing various academic programmes in a Malaysian university. The results showed that teaching was perceived as either a 'directed' or an 'open' activity. Seventy-two percent of the students perceived teaching as a 'directed' activity in which teaching was structured and teacher-centred. This category of students also saw the teachers as the main source of knowledge. On the other hand, the remaining 28 percent of the students perceived teaching as an 'open' process. This second category of students perceived teaching as a pupil-centred activity; and that the learners were seen to be the persons responsible for structuring the curriculum and involving themselves actively in the implementation of the curriculum. The sample also perceived learning as an activity which brought about one of the following five categories of outcomes viz. increase in the quantum of knowledge, receipt and dissemination of information, use or application of knowledge, making sense of meanings and bringing about changes in the individuals.

The analysis indicated that there were similarities in the characteristics of the different categories of teaching and learning. For example, 'directed' teaching could be linked to three categories of learning outcomes which focused on the reception and reproduction of information. This meant that the sample perceived learning as a passive process. On the other hand, the two remaining categories of learning outcomes which focused on developing insight of the individual, creating new knowledge and deeper understanding of information or knowledge - i.e. active participation of the learners, were linked to the 'open' category of teaching.

These findings imply that compared to trainees who perceived teaching as an 'open' process, trainees who perceived teaching as a directed process were more inclined to engage in surface learning. Taking into considerations the fact that the majority of the subjects perceived teaching as a directed activity, it is highly likely that they would adopt the 'directed' approach in their teaching when they become teachers after completing their studies at the university. This is unfortunate as the directed approach is unlikely to bring about quality learning in their pupils. Thus in order to bring about quality learning in the learners, it is necessary for these trainee teachers to modify their perceptions of teaching.

Latar Belakang Kajian

Penyelidikan tentang pembelajaran dari kaca mata pelajar telah dimulakan kira-kira sedekad yang lalu oleh Saljo (1979, 1982), Van Rossum (1984, 1987), Marton (1993) dan Wan Zah (1993). Kajian-kajian tersebut mendapatkan pembelajaran difahami mengikut dua kategori yang berbeza, iaitu sebagai suatu proses

yang pasif dan sebagai suatu proses yang aktif. Pembelajaran sebagai suatu proses yang pasif bermaksud pemindahan pengetahuan daripada sumbernya ke minda subjek. Manakala pembelajaran sebagai proses yang aktif melibatkan penghayatan dan pemindahan ilmu. Fahaman pelajar terhadap pembelajaran juga didapati berkaitan dengan cara mereka belajar. Pelajar yang menerima pembelajaran sebagai suatu proses yang pasif didapati menumpukan perhatian ke arah mencari butir-butir pengetahuan semasa belajar. Mereka menghafal butir-butir pengetahuan tersebut dan kemudian mengeluarkannya semula semasa peperiksaan. Sebaliknya, pelajar yang menanggap pembelajaran sebagai suatu proses yang aktif sering mencari intipati isi pelajaran atau idea keseluruhan pelajaran itu. Dapatkan demikian itu mencadangkan konsepsi pembelajaran boleh dijadikan asas untuk menentukan cara belajar.

Penyelidikan lalu juga menunjukkan bahawa cara berfikir atau belajar pelajar berkait rapat dengan corak pengajaran yang mereka terima (Rohana, 1988; Kember and Gow, 1991). Jika pengajaran dan penilaian hanya menekankan pengingatan fakta, maka besar kemungkinan pelajar mempunyai tanggapan yang sempit terhadap pembelajaran.

Oleh kerana kajian lalu menunjukkan ada kaitan antara pembelajaran dan pengajaran, maka kajian ini akan meneliti kedua-dua proses ini dari perspektif pelajar dan mencari perkaitan antara kedua-duanya. Penelitian yang demikian boleh membantu pengajar memahami corak pengajaran yang menjadi pilihan pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan ini. Di samping itu pengajar juga boleh menilai sama ada penilaian kursus yang dibuat pada masa ini sesuai dengan pengajaran yang berkualiti.

Kaedah Penyelidikan

Kajian ini melibatkan 162 orang pelajar tahun pertama dari beberapa program akademik di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia. Subjek terdiri daripada 86 orang pelajar lelaki dan 76 orang pelajar perempuan dalam lingkungan umur antara 19 hingga 42 tahun. Sebanyak 42 peratus daripada subjek tidak mempunyai pengalaman mengajar, sementara 58 peratus lagi mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 20 tahun.

Subjek diminta menjawab secara bertulis terhadap beberapa soalan yang berkaitan dengan konsepsi mereka tentang pengajaran dan pembelajaran. Soal selidik telah ditadbirkan pada permulaan semester sebelum mereka mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Jawapan subjek dianggap sebagai data penyelidikan yang dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Setiap data dibaca dengan teliti untuk mencari erti yang terkandung di dalamnya. Tafsiran yang mempunyai makna yang sama dikumpulkan ke dalam satu kumpulan dan diteliti ciri-ciri yang ada di dalamnya. Setiap kumpulan makna itu dikategorikan dan dijadikan asas untuk mengelaskan subjek.

Keputusan Kajian dan Perbincangan

Konsep Pengajaran mengikut Persepsi Pelajar

Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan dalam konsepsi pengajaran mengikut pandangan pelajar. Kajian ini menemukan dua kategori pengajaran yang berbeza, iaitu A) kategori terarah dan B) kategori terbuka.

Kategori A: Pengajaran Sebagai Proses Terarah

Satu unsur umum dalam kategori ini terdapat pelajar mengharapkan supaya pengajaran membawa perubahan-perubahan positif dalam diri mereka. Ini termasuklah perubahan pada tingkah laku dan pengetahuan. Sebagai contoh, mereka menjadi lebih berpengetahuan. Unsur-unsur pengajaran yang baik adalah diarahkan kepada perubahan, terutama dalam pemahaman pengetahuan yang disampaikan di dalam kelas.

Walau bagaimanapun, pelajar melihat guru sebagai sumber pengetahuan dan mereka mengharapkan guru untuk menyediakan bahan kursus. Guru mempunyai peranan yang aktif dalam pengajaran kerana ia memutuskan tentang perancangan dan penyediaan bahan pengajaran. Guru juga diharap dapat menyampaikan isi pelajaran bersesuaian dengan kebolehan pelajar.

Tegasnya, guru diharap supaya dapat melakukan kebanyakan daripada tugas pembelajaran seperti memudahkan isi pelajaran bagi pelajar memahaminya. Pelajar seolah-olah mahukan pembelajaran ‘tersedia’ dan segala-galanya diusahakan oleh guru.

Pernyataan di bawah ini menjelaskan konsepsi di atas:

‘Pengajaran yang baik bermakna guru boleh menyampaikan pengetahuan kepada pelajar dengan berkesan. Dia boleh mencapai objektif pelajaran dan pelajar memahami apa yang telah diajar’.

‘Guru mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang isi pelajaran’.

‘Isi pelajaran patut disampaikan satu persatu atau langkah demi langkah, dan guru patut mengulang penerangannya apabila perlu’.

Guru juga diharapkan untuk menyediakan pelajarannya dengan baik. Ini ditunjukkan oleh pernyataan berikut:

‘Pengajaran yang baik melibatkan perancangan yang teliti oleh guru dari segi objektif, teknik mengajar, aktiviti kreatif dan inovatif’.

‘Untuk mendapatkan pengetahuan, guru patut merujuk berbagai-bagai sumber seperti penyelidikan, bahan rujukan dan buku-buku’.

Motivasi pelajar juga diamati sebagai tanggungjawab guru. Pelajar bergantung kepada guru sebagai sumber utama motivasi. Guru diharap untuk memotivasi pelajar supaya mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran. Ini dijelaskan dengan pernyataan berikut:

‘Terdapat unsur-unsur galakan dan mendapatkan perhatian pelajar semasa pengajaran’.

‘Unsur jenaka diselitkan dalam pengajaran - ini akan membantu menimbulkan situasi tiada tekanan dan pelajar merasa lebih tenang dalam proses pembelajaran’.

Di samping itu, guru juga diharap menunjukkan perkaitan di antara teori dan amalan. Ini dijelaskan oleh pernyataan berikut:

‘Guru patut mengaitkan pengetahuan kepada realiti kehidupan, bagaimana pengetahuan boleh memberi faedah kepada pelajar dari segi akademik dan juga dalam kehidupan’.

Kategori B : Pengajaran Sebagai Proses Terbuka

Penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan pelajar tidak pasif. Mereka lebih gemar kepada kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar seperti perbincangan yang membolehkan berlaku komunikasi dua hala antara pelajar dan guru. Tegasnya, pengajaran dianggap sebagai tanggungjawab guru dan pelajar. Pernyataan berikut menjelaskan konsepsi di atas:

‘Pengajaran yang baik berlaku apabila terdapat komunikasi dua hala iaitu guru menyampaikan maklumat dan pelajar memberi idea dan komen secara terbuka’.

‘Pelajar perlu menyediakan diri mereka dalam proses pengajaran supaya apa yang disampaikan dapat difahami dengan mudah’.

Di samping itu, mereka juga merasakan bahawa guru patut mendapatkan pandangan pelajaran tentang isi pelajaran dan kaedah mengajar sebelum pengajaran. Pernyataan berikut menjelaskan pandangan di atas:

‘Perlu ada interaksi antara guru dan pelajar. Guru patut mendapatkan pandangan pelajar sebelum pengajaran’.

‘Dengan komunikasi yang baik antara guru dan pelajar, pelajar boleh menerima kaedah mengajar yang digunakan’.

Jadual 1 menunjukkan peratusan subjek yang tergolong dalam dua kategori pengajaran. Analisis kuantitatif menunjukkan sebilangan besar subjek yang dikaji (78%) tergolong dalam kategori terarah dan sebilangan kecil sahaja (28%) daripada subjek yang tergolong dalam kategori terbuka. Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar di peringkat pendidikan tinggi menerima pembelajaran secara pasif, iaitu mereka gemar menerima pengetahuan yang berstruktur yang disediakan untuk mereka. Mereka kurang bertanggungjawab dalam hal meningkatkan ilmu kerana mereka sangat bergantung kepada tenaga pengajar untuk menyalurkannya kepada mereka.

Jadual 1 : Konsepsi Pengajaran oleh Pelajar

| Kategori | Peratusan |
|---------------------------------------|-----------|
| A - Pengajaran sebagai proses terarah | 72 |
| B - Pengajaran sebagai proses terbuka | 28 |

Konsep Pembelajaran Mengikut Persepsi Pelajar

Ditinjau dari segi pembelajaran, dapatkan menunjukkan terdapat lima kategori konsepsi pembelajaran iaitu:

1. meningkatkan pengetahuan
2. mendapat dan menyebarkan pengetahuan
3. menggunakan pengetahuan yang diperoleh
4. melihat makna bahan yang dipelajari
5. perubahan diri seseorang

Kategori Pertama : Pembelajaran sebagai proses meningkatkan pengetahuan

Dalam analisis konsepsi pembelajaran didapati pelajar menekankan bahawa pembelajaran hanyalah untuk meningkatkan atau menambahkan pengetahuan. Konsep pembelajaran yang difahami adalah terlalu umum dan tidak menekankan aspek pembelajaran tertentu. Pernyataan berikut menunjukkan konsepsi pelajar dalam kategori ini:

‘Secara teknal pembelajaran adalah hasil maklumat baru’

‘Pembelajaran merupakan proses yang menyalurkan maklumat daripada guru kepada pelajar’.

‘Satu proses apabila pelajar menerima maklumat tentang pengetahuan tertentu atau membentuk tingkah laku’.

Kategori Kedua : Pembelajaran sebagai proses mendapatkan dan menyebarkan maklumat

Dalam kategori kedua, pelajar mengkonsepsikan pembelajaran bagi mendapatkan dan menyebarkan maklumat. Ciri utama kategori ini ialah pembelajaran sebagai pengasas ilmu pengetahuan dan keupayaan untuk menyebarkan pengetahuan itu. Pembelajaran bukan sahaja dilihat untuk faedah diri sendiri tetapi juga untuk faedah orang lain. Antara pernyataan yang dikemukakan oleh pelajar adalah seperti berikut:

‘Pembelajaran adalah untuk memenuhi keperluan diri, dan pada masa yang sama menyebarkan pengetahuan untuk orang lain.’

‘Objektif spesifik pembelajaran ialah memperolehi pengetahuan sehingga individu itu boleh menerangkan dengan jelas kepada orang lain’.

Kategori Ketiga: Pembelajaran sebagai proses menggunakan pengetahuan yang diperolehi

Dalam kategori ini pembelajaran difahamkan sebagai penggunaan pengetahuan yang diperolehi. Ciri-ciri dalam kategori ini ialah perolehan pengetahuan, pemahaman dan penerapan pengetahuan ini dalam kehidupan. Pernyataan pelajar yang tergolong dalam kategori ini termasuklah:

‘Memperoleh pengetahuan yang terhad dan boleh menggunakannya dalam kehidupan’.

‘Satu proses dalam perkembangan tingkah laku supaya seseorang itu sedar dan peka kepada persekitaran dan boleh menyesuaikan pengetahuan ini ke arah pencapaian matlamat hidup’.

Daripada analisis di atas boleh dirumuskan bahawa pelajar mempunyai pandangan tentang pembelajaran sebagai suatu proses yang pasif dan banyak bergantung kepada keadaan persekitaran. Pembelajaran dilihat sebagai satu aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan. Kedua, pembelajaran dilihat sebagai pemindahan maklumat atau pengetahuan daripada guru atau buku kepada pelajar. Pengetahuan dianggap sebagai suatu perkara luaran seperti buku dan kuliah. Ketiga, walaupun terdapat sedikit unsur penilaian, pembelajaran masih lagi menunjukkan pemerolehan maklumat sahaja.

Kategori Keempat : Pembelajaran sebagai proses mencari makna bahan yang dipelajari

Dalam kategori ini, pelajar memahami pembelajaran sebagai memetik atau mencari makna yang terkandung dalam bahan yang dipelajari. Ini bererti pembelajaran melibatkan pemahaman dan penilaian, pemikiran kritis dan mempunyai sikap terbuka terhadap maklumat baru. Ini dapat diteliti dalam pernyataan berikut:

‘Pembelajaran ialah penilaian tentang maklumat baru yang diterima’.

‘Pembelajaran adalah stimulasi minda sehingga seseorang itu boleh berfikir secara kritis’.

‘Pembelajaran ialah pengalaman berdasarkan manipulasi pemikiran’

Kategori Kelima: Pembelajaran sebagai proses mengubah diri seseorang

Dalam kategori ini pembelajaran difahamkan sebagai perubahan yang berterusan untuk menghasilkan individu baru. Pembelajaran dilihat sebagai refleksi sesuatu yang dipelajari untuk kepuasan diri dan juga

memberi faedah kepada orang lain. Pembelajaran juga melibatkan kebolehan berfikir secara terbuka dan hasilnya ialah individu baru yang lebih baik. Pernyataan berikut menjelaskan kategori tersebut:

‘Pembelajaran ialah penilaian hasil supaya boleh mengubah tingkah laku’.

‘Pembelajaran ialah kebolehan mengenali kelemahan sendiri dan boleh mengatasinya’.

‘Berupaya berfikir secara mendalam dan kreatif untuk kepuasan diri’.

Kategori keempat dan kelima dalam konsepsi pembelajaran dapat dirumus sebagai satu proses yang aktif yang mementingkan pemahaman konteks. Dengan berlakunya pembelajaran individu berupaya untuk menafsir realiti atau memperoleh celik akal untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Penemuan ini menyokong kajian Marton (1993) bahawa pelajar mempunyai konsepsi pembelajaran yang berbeza, iaitu yang mempunyai ciri-ciri yang berkualiti atau sebaliknya.

Kategori keempat dan kelima berkaitan dengan pemahaman peringkat tinggi, manakala tiga kategori yang pertama berkaitan dengan hafalan dan penggunaan pendekatan permukaan. Sekiranya subjek dalam kategori satu hingga tiga menjadi guru, besar kemungkinan mereka akan menghasilkan pelajar yang serupa juga, iaitu pelajar yang belajar secara permukaan sahaja.

Analisis secara kuantitatif (Jadual 2) menunjukkan majoriti pelajar dalam kajian ini (84.5%) mengkonsepsikan pembelajaran sebagai menerima dan mengeluarkan semula maklumat. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran yang difahamkan oleh pelajar sudah menyimpang daripada matlamat pendidikan peringkat tinggi. Walau bagaimanapun, masih terdapat peratus yang kecil (15.5%) di kalangan pelajar yang mengkonsepsikan pembelajaran mengikut pendekatan mendalam dan pendekatan inilah yang perlu diperluaskan di kalangan pelajar di peringkat tinggi.

Jadual 2 : Kategori Pembelajaran mengikut Persepsi Pelajar

| Kategori | Persatuan |
|--|-----------|
| <u>Pembelajaran sebagai proses</u> | |
| 1. meningkatkan pengetahuan | 54.3 % |
| 2. mendapat dan menyebarkan pengetahuan | 5.6 % |
| 3. menggunakan pengetahuan yang diperolehi | 24.6 % |
| 4. melihat makna bahan yang dipelajari | 9.1 % |
| 5. perubahan diri seseorang | 6.4 % |

Perkaitan Antara Pengajaran dan Pembelajaran

Penelitian lanjut tentang ciri-ciri yang terdapat dalam kategori-kategori pengajaran dan pembelajaran jelas menunjukkan adanya persamaan tertentu. Ciri-ciri dalam pengajaran terarah didapati banyak persamaan dengan ciri-ciri yang terkandung dalam tiga kategori pembelajaran yang pertama yang memberi fokus kepada penerimaan dan pengeluaran semula maklumat. Penemuan ini mencadangkan bahawa pelajar memahami proses pengajaran dan pembelajaran dengan cara yang pasif.

Seterusnya, ciri-ciri pengajaran terbuka menunjukkan persamaan dengan dua kategori pembelajaran yang terakhir iaitu pembelajaran sebagai proses mendapatkan makna dan pembelajaran sebagai proses mengubah diri seseorang. Kedua-dua kategori ini memberi fokus kepada proses yang lebih aktif, iaitu mengembangkan minda seseorang, mencipta pengetahuan baru dan pemahaman yang mendalam tentang pengetahuan yang diterima.

Penemuan kajian menyokong pandangan Marton (1993) iaitu terdapat perkaitan antara konsepsi pelajar tentang pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya mereka memahami pengajaran sebagai proses yang terarah, ada kecenderungan bagi mereka untuk berfikir tentang pembelajaran sebagai proses menghafal fakta dan menjadi pelajar permukaan. Sebaliknya, kalau pelajar mempunyai konsep yang terbuka tentang pengajaran, mereka akan memahami pembelajaran sebagai satu proses yang kreatif dan menerima tanggungjawab sebagai pelajar yang aktif.

Kategori-kategori pengajaran dan pembelajaran yang didapati dalam kajian ini mungkin berpunca daripada persepsi pelajar tentang pengajaran dan pembelajaran seperti yang wujud dalam dewan kuliah sahaja. Sekiranya mereka dapat memikirkan tentang aktiviti di luar dewan kuliah seperti kajian bebas, projek dan kerja lapangan mungkin konsepsi mereka lebih bercaphap.

Kebanyakan subjek telah mengaitkan persepsi mereka tentang pengajaran dan pembelajaran dengan pengalaman mereka sebagai guru di sekolah. Sebanyak 58% daripada subjek mempunyai pengalaman mengajar di sekolah antara 1 hingga 20 tahun sebelum memasuki universiti. Konsepsi mereka tentang pengajaran dan pembelajaran mungkin telah dipengaruhi oleh pengalaman mereka sebagai guru sekolah.

Subjek yang tidak mempunyai pengalaman mengajar di sekolah mungkin telah mempersepsi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengalaman mereka sebagai pelajar di sekolah. Apa yang telah mereka alami di bilik darjah dan bagaimana mereka telah diajar oleh guru sekolah telah memberikan mereka idea tentang pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulan

Terdapat seakan-akan satu lingkaran sesat (viscious circle) antara proses pengajaran dan pembelajaran seperti yang dipersepsikan oleh subjek dalam kajian ini. Pengajaran yang pasif akan berterusan menghasilkan pembelajaran yang pasif. Pelajar dan guru akan terbelenggu dengan lingkaran yang sama selagi tidak ada usaha-usaha yang dapat memecahkan lingkaran tersebut. Sekiranya pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti hendak dicapai langkah yang bijak perlu diambil supaya perubahan dapat dilakukan sehingga dapat memberhentikan lingkaran sesat tersebut. Guru perlu sedar akan kewujudan fenomena ini dan perlu bertindak untuk mengubah proses pengajarannya supaya dapat melibatkan pelajar

dengan lebih aktif. Pelajar juga perlu mempunyai kesedaran tentang pentingnya membentuk persepsi yang tepat tentang pengajaran dan pembelajaran supaya lebih bertanggungjawab terhadap peranannya dan bertindak sebagai pelajar yang proaktif dan inovatif untuk menghadapi cabaran masa depan. Sebagai pelajar di peringkat pendidikan tinggi khususnya mereka perlu mengambil berat tentang matlamat yang harus dicapai dan berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan wawasan negara. Mereka tidak harus berpuashati setakat mendapat kelulusan dalam peperiksaan sahaja dan mengabaikan kemahiran-kemahiran lain seperti berfikiran kreatif dan kritikal yang sangat penting ke arah negara maju pada masa akan datang.

RUJUKAN

- KEMBER, D. & GOW, L. (1991) A Challenge to the anecdotal stereotype of the Asian Student, *Studies in Higher Education*, 16 (2), pp. 117-128.
- MARTON, F., DALL 'Alba, G. & Beaty, E. (1993) Conception of learning, *International Journal of Educational Research*, 19, pp. 277-300.
- ROHANA ZUBIR (1988) Descriptions of teaching and learning: A Malaysian perspective, *Studies in Higher Education* 13, (2), pp. 139-149.
- SALJO, R. (1979) *Learning in the learner's perspective. I - Some common-sense conceptions.* (Report No. 76), Goteborg, University of Goteborg, Institute of Education.
- SALJO, R. (1982) Learning and understanding: A study of differences in constructing meaning from a text, *Goteborg Studies in Educational Sciences* 41. Goteborg, Acta Universitatis Gothburgensis.
- VAN ROSSUM, E.J. & Schenk, S.M. (1984) The relationship between learning conception, study strategy and learning outcome, *British Journal of Educational Psychology*, pp. 54, pp. 73-83.
- VAN ROSSUM, E.J. & TAYLOR, I.P. (1987) *The relationship between learning conception and good teaching: A scheme of cognitive development.* A paper presented at Annual Meeting of the American Educational Research Association, San Francisco.
- WAN ZAH WAN ALI (1993) *Learning description from learners' perspective*, An unpublished doctoral dissertation, University of Malaya, Malaysia.